

Penggunaan Produk Deposit Islam dan Konvensional dalam Kalangan Staf Akademik IPTA

Syarifah Md Yusof¹

ABSTRAK

Sorotan kajian menunjukkan kajian terhadap golongan berpendidikan agak kurang dilakukan walaupun golongan berpendidikan didapati menjadi pengguna majoriti kepada produk kewangan dan perbankan Islam. Namun, penemuan lain mendedahkan bahawa golongan pensyarah lebih tertumpu kepada akaun simpanan Islam berbanding produk-produk kewangan Islam lain. Justeru, objektif utama kertas kerja ini ialah untuk mengenal pasti penggunaan produk deposit Islam berbanding konvensional dalam kalangan staf akademik IPTA di Malaysia. Data utama dikutip secara rawak di lima buah IPTA di utara Semenanjung Malaysia. Sebanyak 257 borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden telah dianalisa. Kajian mendapati golongan staf akademik lebih menumpukan kepada penggunaan produk deposit Islam dan konvensional secara serentak. Majoriti daripada mereka turut membuka jenis akaun yang sama yang ditawarkan oleh perbankan Islam dan konvensional. Di perbankan Islam, produk yang menjadi tumpuan adalah produk akaun simpanan Islam. Majoriti menggunakan akaun deposit Islam untuk tujuan kemasukan gaji. Kajian ini mendedahkan majoriti golongan staf akademik masih kurang mengambil berat terhadap penggunaan produk kewangan yang mematuhi syariah.

Kata Kunci: Perbankan Islam, produk deposit Islam, akaun simpanan, akaun pelaburan, akaun semasa.

1. PENGENALAN

Pelaksanaan sistem perbankan Islam dalam dunia moden pada dewasa ini telah membuka mata dunia bahawa sistem perbankan bebas daripada riba dapat beroperasi seiring dengan sistem perbankan berteraskan riba atau lebih dikenali dengan sistem perbankan konvensional. Produk deposit Islam yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam mempunyai fungsi yang sama dengan produk deposit konvensional. Namun demikian, produk deposit Islam tidak membayar sebarang faedah seperti yang dilakukan oleh produk deposit konvensional. Pendeposit di perbankan Islam akan diberi keuntungan dalam bentuk hibah atau keuntungan mudarabah (Zaharuddin, 2008).

¹ SYARIFAH MD YUSOF, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia, syarifah@uum.edu.my.

Perbezaan utama antara produk deposit Islam dan produk deposit konvensional ialah riba (faedah). Produk deposit konvensional adalah berdasarkan kepada konsep pinjaman. Pendeposit yang menandatangani wang ke dalam akaun deposit bertindak sebagai pemberi pinjaman, manakala pihak bank pula bertindak sebagai peminjam. Bank akan membayar faedah ke atas deposit pelanggan.

Di perbankan Islam, produk-produk depositnya mengaplikasikan akad-akad muamalah yang bersesuaian bagi membolehkannya berfungsi dan menepati ciri-ciri akaun deposit yang berkenaan (Mahmood Ahmad, 2007). Akad yang lazimnya digunakan ialah akad *wadi'ah yad damanah*, *mudarabah* dan *qard*.

Sambutan pengguna terhadap produk deposit Islam dilihat amat baik. Laporan Ekonomi 2010/2011 melaporkan bahawa jumlah deposit sistem perbankan Islam pada akhir Julai 2010 meningkat kepada RM263.4 bilion daripada RM236.0 bilion pada akhir tahun 2009. Namun demikian, jumlah tersebut hanya mewakili 21.6% daripada keseluruhan deposit sistem perbankan (Laporan Ekonomi 2010/2011). Peratusan ini memperlihatkan penguasaan pasaran deposit perbankan Islam amat kecil berbanding deposit perbankan konvensional.

Kertas kerja ini seterusnya diikuti dengan bahagian dua, iaitu membincangkan tentang produk deposit Islam dan konvensional. Bahagian tiga merupakan kajian lepas, diikuti dengan metodologi kajian dalam bahagian empat. Seterusnya, bahagian lima adalah demografi responden. Bahagian enam merupakan dapatan kajian dan bahagian akhir pula adalah perbincangan dan kesimpulan kajian.

2. PRODUK DEPOSIT ISLAM DAN KONVENSIONAL

Penawaran perkhidmatan deposit secara Islam kepada pelanggan membolehkan pelanggan meletakkan wang mereka di tempat yang selamat, selesa dan menguntungkan. Daripada perspektif bank pula, produk deposit penting kerana ia berperanan sebagai sumber dana utama bagi mana-mana bank perdagangan termasuklah perbankan Islam. Deposit pelanggan akan digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perbankan yang boleh menghasilkan pulangan kepada bank seperti pembiayaan dan pelaburan, di samping memenuhi keperluan bank seperti keperluan kecairan dan rezab berkanun (Shamsudin, 2003; Hadenan dan Joni Tamkin, 2006; Nor Azurah dan Remali, 2008). Selain itu, deposit pelanggan menentukan kemampuan bank untuk memberi pulangan kepada pemegang sahamnya (Monzer Kahf, 2007). Pengeluaran wang deposit oleh pelanggan pula boleh mengganggu perniagaan sesebuah institusi perbankan (RifkiIsmal, 2011). Oleh itu, pihak bank membangunkan produk deposit yang membolehkan mereka menggunakan dana deposit pelanggan secara fleksibel (Sayyid Tahir, 2007). Bagi mencapai tujuan tersebut, produk deposit di

perbankan Islam menggunakan akad-akad yang bersesuaian dengan ciri-ciri dan operasi akaun berkenaan.

Walaupun jenis akaun yang ditawarkan oleh perbankan Islam dan perbankan konvensional adalah sama, namun aplikasi akad-akad muamalat telah membezakan antara akaun-akaun deposit Islam berbanding konvensional. Ia menjadikan konsep pembayaran keuntungan ke atas deposit di perbankan Islam tidak sama dengan apa yang diberikan oleh deposit perbankan konvensional (Mahmood Ahmad, 2007).

2.1 Akaun Simpanan dan Akaun Semasa

Menurut Jaffer (2005), akaun simpanan dan akaun semasa merupakan antara produk terawal yang ditawarkan oleh industri perbankan Islam. Jaffer (2005) turut menjelaskan bahawa pada peringkat awal perbankan Islam (1970-an), cabaran yang dihadapi oleh perbankan Islam adalah untuk menawarkan produk deposit yang bukan sahaja menyediakan kemudahan simpanan kepada pelanggan, malah menghasilkan pulangan kompetitif kepada pemegang akaun berkenaan. Pulangan kepada pendeposit penting kerana ia menjadi salah satu daya tarikan pengguna untuk menyimpan wang di perbankan Islam (Saiful Azhar, 2007; Zairi, 2005; Zulkefly *et al.*, 2004). Malah menurut Saiful Azhar (2007), menjadi seorang Muslim tidak bermakna mereka tidak boleh cenderung kepada keuntungan. Bagi pendeposit bukan Islam pula, mereka mungkin tidak berminat jika deposit mereka tidak memberi sebarang pulangan, sedangkan dalam perbankan konvensional, faedah akan diberi kepada pendeposit. Hal ini boleh menjejaskan pencapaian perbankan Islam.

Selain isu pulangan, konsep simpanan (*wadi'ah*) atas dasar akad amanah dalam Islam tidak membenarkan bank menggunakan wang yang didepositkan oleh pelanggan. Adalah sesuatu yang merugikan jika deposit yang terkumpul dibekukan tanpa digunakan untuk menjana keuntungan. Bagi menyelesaikan isu ini, akaun semasa dan akaun simpanan secara Islam adalah berdasarkan akad *wadi'ah yad damanah* (simpanan dengan jaminan) atau *mudarabah* (perkongsian). Kedua-kedua akad ini mempunyai implikasi berbeza.

Melalui akad *wadi'ah*, pendeposit menyerahkan wang mereka kepada bank untuk dijaga. Bank bertindak sebagai pemegang amanah. Islam melihat bahawa kesediaan seseorang itu menerima amanah dari suatu pihak lain sebagai amal kebajikan demi semangat tolong-menolong sebagaimana yang dianjurkan, maka pemegang amanah dianggap telah melakukan satu kebaktian kepada pemilik harta berkenaan. Lantaran itu, menurut Islam pemegang amanah tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang kerosakan, kemusnahan atau kehilangan amanah berkenaan melainkan disebabkan oleh kecuaiannya atau perbuatan salah (Ab. Mumin, 1999).

Shofian dan al-Saudi (2009) menjelaskan rasional penggunaan *wadi'ah* beserta *damanah*. Menurut mereka, *wadi'ah* beserta *damanah* adalah satu keperluan kepada bank bagi membolehkan bank menggunakan deposit pelanggan. Di bawah akad *damanah* ini, pihak bank selaku penyimpan atau penjaga wang pendeposit menjamin keselamatan deposit dan memberi jaminan akan memulangkan wang simpanan pada bila-bila masa yang dikehendaki pendeposit (Shamsudin, 2003). Pihak bank pula berhak mengenakan bayaran kepada pendeposit kerana jaminan tersebut. Walau bagaimanapun, bank tidak mengenakan sebarang bayaran atas jaminan, sebaliknya meminta keizinan untuk menggunakan wang pendeposit bagi tujuan pelaburan dan aktiviti perniagaan yang diharuskan syarak.

Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh bank hasil daripada penggunaan wang berkenaan adalah menjadi milik bank sepenuhnya. Berdasarkan budi bicara bank, pelanggan diberi *hibah* sebagai tanda penghargaan membenarkan penggunaan wang mereka (Ab. Mumin, 1999). Sekiranya hasil pelaburan bank menggalakkan, kebiasaanya *hibah* yang diberi oleh bank kepada pendeposit agak baik. Walau bagaimanapun, bank tidak sekali-kali boleh menjanjikan *hibah* kepada pendeposit, sementara pendeposit pula tidak boleh menuntut *hibah* daripada bank.

Penggunaan akad *wadi'ah yad damanah* ini memberi keadilan kepada bank dan pendeposit. Hal ini demikian kerana pendeposit berpeluang mendapatkan *hibah* dalam keadaan wang yang disimpan dijamin oleh bank. Dengan kata lain, pendeposit tidak menanggung sebarang risiko kerugian. Walaupun pemberian deposit bergantung kepada budi bicara bank, lazimnya bayaran hibah adalah kompetitif dengan bank konvensional untuk menarik pendeposit yang lebih ramai (Shamsudin, 2003; Zaharuddin, 2008). Pihak bank pula tidak wajib membayar apa-apa kepada pendeposit jika tidak mendapat keuntungan. Justeru, bank tidak teraniaya seperti mana bank konvensional yang mesti membayar faedah kepada pendeposit walaupun ketika kerugian. Pelanggan tidak tahu jumlah keuntungan yang akan diterima kerana ia bergantung kepada budi bicara bank dan keuntungan sebenar yang diperolehi bank.

Hal yang membezakan antara kedua-dua akaun ini ialah pemegang akaun simpanan disediakan buku akaun, sebaliknya pemegang akaun semasa tidak diberikan buku akaun. Mereka boleh menyemak transaksi menerusi penyata akaun yang dikeluarkan oleh pihak bank pada setiap bulan. Pemegang akaun semasa juga akan diberi buku cek untuk memudahkan mereka melakukan transaksi harian mereka.

Dari aspek yang lain, seseorang pemilik harta yang menyerahkan hartanya kepada pemegang amanah untuk disimpan, tidak seharusnya mengharapkan apa-apa pulangan daripada urusan simpanan itu. Sekiranya keuntungan atau pulangan

yang diinginkan, maka cara yang sesuai ialah dengan menyerahkan harta atau modal itu menurut konsep mudarabah (pelaburan) dan bukannya *wadi'ah* (simpanan). Sehubungan dengan itu, seseorang pelabur dalam skim mudarabah mestilah sedia menerima risiko kerugian dalam perniagaan yang diwakilkan kepada pengusaha untuk menjalankannya. Tindakan mensyaratkan jaminan modal adalah tidak selaras dengan konsep mudarabah itu sendiri. Daripada kaca mata Islam, pulangan atau keuntungan adalah sebagai balasan bagi kesediaan menghadapi risiko kerugian ataupun penangguhan liabiliti.

Terdapat juga bank yang menawarkan akaun simpanan berdasarkan akad *mudarabah*. Menerusi akad ini, pendeposit bertindak sebagai penyumbang modal (*ra's al-mal*), manakala pihak bank sebagai pengusaha (*mudarib*). Pendeposit dan pihak bank akan berkongsi keuntungan dan kerugian. Nisbah keuntungan ditetapkan pada awal kontrak.

Penggunaan akad *mudarabah* dan *wadi'ah yad damanah* dalam akaun simpanan dan akaun semasa telah bermula semenjak permulaan perbankan Islam di Malaysia dan begitu meluas di Malaysia. Majoriti perbankan Islam menggunakan kedua-dua jenis akad ini. Namun, kemasukan bank Islam dari Timur Tengah telah memperkenalkan penggunaan akad *qard* untuk kedua-dua akaun deposit ini. Menerusi akad *qard*, pendeposit yang mendepositkan wang mereka di bank menjadi pihak yang memberi pinjam. Bank selaku peminjam pula mempunyai hak untuk menggunakan wang deposit pelanggan untuk menjalankan perniagaan. Bank juga menjamin akan memulangkan kesemua deposit pelanggan (pinjaman).

2.2 Akaun Pelaburan

Akaun pelaburan dalam perbankan Islam merupakan pengganti kepada akaun deposit tetap di bank konvensional. Akaun deposit tetap merupakan satu bentuk deposit bertempoh di mana sejumlah wang disimpan dengan bank untuk tempoh yang tetap bagi menghasilkan faedah. Sesuatu akaun disimpan dalam deposit tetap untuk minimum 1 bulan dan seterusnya 3, 6, 9, 12, 18, 24, 36, 48 atau sehingga maksimum 60 bulan. Bank akan menyatakan kadar faedah bagi deposit tetap di bawah tempoh masing-masing dengan mempamerkannya di premis bank. Kadar faedah bagi tempoh yang lebih lama adalah lebih tinggi daripada deposit tetap bagi tempoh yang lebih singkat (Pang, 1997).

Faedah (*interest*) yang diberikan kepada pendeposit akaun deposit tetap merupakan riba yang diharamkan syarak. Oleh itu, pengubahsuaian dilakukan kepada akaun deposit tetap bagi menghapuskan elemen riba. Dengan menggunakan ciri yang sama iaitu deposit secara bertempoh, akaun pelaburan secara Islam adalah bebas daripada unsur riba.

Akad *mudharabah* digunakan dalam akaun pelaburan. Pendeposit boleh mendepositkan wang mereka mengikut tempoh yang mereka pilih. Dalam kontrak *mudharabah*, pendeposit merupakan pihak yang menyumbang modal. Bank selaku pengusaha akan melaburkan wang tersebut. Keuntungan yang dihasilkan akan dikongsi antara bank dan pendeposit berdasarkan nisbah perkongsian yang telah ditetapkan dan dipersetujui pada awal kontrak seperti 70:30 dan sebagainya.

Ini bermakna, menerusi akad *mudharabah* ini pelanggan bersedia menanggung risiko untuk mendapatkan keuntungan. Sekiranya bank berjaya meraih keuntungan, ia akan diagihkan kepada pendeposit berdasarkan nisbah perkongsian yang telah dipersetujui. Sebagai contoh, dengan nisbah 70:30 masing-masing kepada bank dan pendeposit, maka pelanggan akan menerima 30% daripada keuntungan, bukan 30% daripada jumlah modal. Konsep 30% daripada keuntungan sebenar yang diperolehi oleh pengusaha (bank) tidak mengandungi apa-apa unsur jaminan keuntungan. Sebaliknya, menjanjikan pulangan 30% daripada jumlah modal adalah haram dan dilarang kerana ia menjamin keuntungan pada jumlah yang tertentu.

Oleh yang demikian, pengguna harus membezakan antara kadar faedah bagi akaun simpanan tetap yang dipaparkan di bank konvensional dengan kadar pulangan bagi akaun deposit berdasarkan *mudharabah* di perbankan Islam. Kadar yang terpapar di bank Islam adalah kadar keuntungan terdahulu yang telah diberikan kepada pendeposit. Kadar tersebut dipamer untuk menjadi petunjuk kepada prestasi akaun berkenaan. Kadar ini bukan kadar yang dijanjikan kepada pelanggan seperti mana kadar faedah yang dipaparkan oleh bank konvensional (Zaharuddin, 2008).

Wang deposit pelanggan akan digunakan oleh bank untuk dua aktiviti (Zaharuddin, 2008). Pertama, dana itu dilaburkan bagi kegunaan perniagaan bank Islam yang telah dipastikan halal. Kedua, dana itu dilaburkan bagi membiayai perniagaan pihak ketiga yang juga dipastikan perniagaannya halal. Dalam hal ini, majlis penasihat syariah dan pihak pengurusan bank bertanggungjawab menapis semua bentuk perniagaan dan meneliti kepatuhannya dari sudut syariah bagi memastikan pulangan yang bakal diterima adalah halal.

Selain daripada aplikasi akad yang berbeza-beza, terdapat juga dalam kalangan bank yang menawarkan beberapa ciri menarik pada produk deposit bagi menarik pendeposit. Umpamanya, BMB menawarkan akaun simpanan *al-Awfar* dan akaun pelaburan *al-Awfar* dengan ciri cabutan berhadiah. Produk ini menggunakan akad *mudharabah* yang jelas di antara bank dan pendeposit sebagaimana termeterai dalam dokumen akad. Jika terdapat keuntungan dalam penggunaan modal yang diberikan oleh pelanggan, maka ia akan dibahagikan

antara bank dan pelanggan berasaskan kadar perkongsian keuntungan berdasarkan persetujuan awal.

Majlis Penasihat Syariah Bank Islam membuat keputusan bahawa penawaran pemberian hadiah menerusi cabutan bertuah pada produk *al-Awfar* tidak termasuk dalam kategori *maysir* atau *qimar*. Hal ini demikian kerana cabutan berhadiah wang tunai adalah insentif tambahan untuk menggalakkan pendeposit menyimpan atau melabur di Bank Islam. Hadiah akan diberikan kepada pendeposit yang bertuah daripada wang yang disediakan oleh bank. Produk *al-Awfar* tidak mendedahkan sebarang risiko kepada pendeposit. Mana-mana pendeposit yang tidak mendapatnya, mereka tidak kehilangan wang simpanan mereka dan tidak perlu membayar apa-apa kepada pemenang. Malahan, semua pendeposit sama ada yang menang atau sebaliknya akan mendapat keuntungan daripada bank (sekiranya ada) dalam bentuk pulangan berdasarkan akad *mudarabah*. Atas alasan ini, Majlis Penasihat Syariah Bank Islam mengesahkan produk ini menepati syariah.²

Pembayaran zakat simpanan oleh pihak bank turut menjadi daya tarikan kepada pelanggan untuk menyimpan di dalam bank. Umpamanya, semua pendeposit bagi akaun simpanan dan semasa di BIBM tidak perlu mengeluarkan zakat simpanan bagi wang simpanan mereka yang berada di BIBM. Hal ini demikian kerana pihak bank telah mengeluarkan zakat simpanan bagi pihak pendeposit. Oleh itu, pelanggan BIBM dapat memiliki kesemua wang deposit berserta *hibah* atau keuntungan tanpa perlu mengeluarkan 2.5% daripadanya sebagai zakat sepertimana deposit di bank-bank lain.

2.3 Akaun Emas

Akaun emas merupakan produk deposit yang baru diperkenalkan dalam industri perbankan Islam di Malaysia. *Kuwait Finance House* (KFH) merupakan satu-satunya bank yang menawarkan akaun emas secara Islam kepada pengguna. Melalui akaun ini, pengguna boleh mengurusniaga dan melabur dalam emas dengan mudah, selesa dan selamat. Pembelian emas boleh dilakukan melalui debit secara terus dari akaun simpanan atau akaun semasa KFH. Pengguna mempunyai pilihan untuk tidak menyimpan komoditi emas secara fizikal. Sebaliknya, jika pengguna ingin membawa balik emas yang dibeli, pengeluaran boleh dibuat dalam berat 1, 5, 10, 50 dan 100 gram. Akaun ini boleh dibuka dengan pembelian emas permulaan serendah 10 gram (*Product Disclosure Sheet, Kuwait Finance House*).

² Produk *al-Awfar* mendapat mengesahan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Islam dalam mesyuarat ke 102 bertarikh 7 April 2008 (30 Rabiulawal 1429H). BIBM, http://www.bankislam.com.my/Quick_Look.aspx, Diakses pada 2 Oktober 2009.

Terdapat dua akad yang diaplikasikan dalam akaun emas ini, iaitu *bay' al-sarf* dan *qardhasan*. *Bay' al-sarf* merujuk kepada transaksi jual beli emas dengan wang tunai. Wang tunai dalam akaun simpanan/semasa pengguna akan didebitkan untuk membeli emas. Emas yang dijual oleh KFH adalah emas 995. Setiap bar emas mempunyai nombor siri. Pengguna yang ingin membawa pulang emas yang dibeli perlulah mengisi borang untuk membawa pulang emas tetapi dikehendaki meninggalkan sekurang-kurangnya 2 gram dalam akaun emas mereka.

Akad *qard* pula merujuk kepada pinjaman ihsan di mana KFH bertindak sebagai peminjam. Emas yang dibeli oleh pengguna disimpan oleh bank atas dasar *qardhasan* atau pinjaman. Atas dasar *qardhasan*, KFH hanya dikehendaki menyerahkan kembali jumlah pokok yang dipinjam kepada pengguna.

Transaksi jual beli emas sentiasa dipantau oleh penasihat syariah KFH. Stok emas KFH untuk dijual kepada pengguna sentiasa diaudit bagi memastikan ia mencukupi untuk transaksi. Emas milik pengguna yang disimpan oleh KFH tidak akan digunakan oleh pihak bank sama ada untuk dijual kepada pengguna lain atau sebarang kegunaan lain.

3. KAJIAN LEPAS

Banyak kajian lepas mendedahkan bahawa majoriti pengguna produk kewangan dan perbankan Islam adalah terdiri daripada golongan berpendidikan (Metawa dan Almoosawi, 1998; Naser *et al.*, 1999; Asyraf Wajdi dan Nurdianawati Irwani, 2006; Khan *et al.*, 2008 dan Hassan, 2010). Hal ini selari dengan pengamatan Dar dan Presly (1999), yang mendapati pengguna produk kewangan Islam di United Kingdom turut terdiri dalam kalangan mereka yang berpendidikan universiti dan golongan profesional atau pihak pengurusan atasan. Dar dan Presley (1999) merumuskan bahawa tahap pendidikan merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi permintaan terhadap perkhidmatan kewangan Islam.

Kajian lanjut terhadap golongan pengguna berpendidikan dilakukan oleh Suzaida (2003) dengan memilih sampel daripada golongan pensyarah bagi mengenalpasti kecenderungan golongan pengguna berpendidikan terhadap sistem perbankan Islam. Walau bagaimanapun, hasilnya agak mengejutkan. Majoriti responden yang dikaji menggunakan kedua-dua jenis sistem perbankan iaitu sistem perbankan Islam dan konvensional. Sementara itu, dapatan Mohd Rizuan *et al.* (2008) menyokong penemuan Suzaida (2003). Mohd Rizuan *et al.* (2008) mendapati golongan pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Pahang hanya menggunakan produk asas sahaja khususnya akaun simpanan.

Memandangkan dapatan kajian lepas mendedahkan bahawa golongan pensyarah hanya menggunakan produk asas sahaja, sedangkan tahap pendidikan merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi permintaan terhadap perkhidmatan kewangan Islam, maka timbul persoalan tentang sejauh mana golongan staf akademik selaku golongan berpendidikan menggunakan produk deposit Islam? Adakah golongan staf akademik sememangnya turut menggunakan produk deposit konvensional seiring dengan produk deposit Islam? Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti penggunaan produk deposit Islam dan produk deposit konvensional dalam kalangan staf akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif. Ia melibatkan staf akademik di lima buah IPTA di utara Semenanjung Malaysia. Populasi kajian ialah seramai 3,022 orang staf akademik tempatan sedang berkhidmat di kelima-lima buah IPTA berkenaan. Maklumat staf diambil daripada direktori staf di laman web IPTA yang berkenaan. Pemilihan sampel di setiap IPTA adalah menggunakan teknik persampelan rawak mudah. Sebanyak 1,023 sampel borang soal selidik dipilih untuk diedarkan secara pos dalaman universiti. Jumlah ini adalah tiga kali ganda daripada jumlah yang diperlukan berdasarkan panduan jumlah sampel yang digariskan oleh Sekaran (2003). Sebanyak 257 borang soal selidik yang diterima telah dianalisa.

Data kajian dikutip menerusi satu set borang soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan kajian-kajian lepas. Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan penggunaan produk deposit Islam. Bahagian B pula berkaitan penggunaan produk deposit konvensional. Sementara Bahagian C direka bentuk untuk memperolehi maklumat tentang latar belakang responden meliputi demografi dan pendidikan.

Analisis data dalam kajian ini hanya melibatkan analisis diskriptif iaitu peratusan bagi mengenal pasti ciri-ciri demografi responden dan penggunaan produk deposit Islam dan konvensional.

5. DEMOGRAFI RESPONDEN

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk meninjau ciri-ciri demografi responden di dalam kajian ini. Analisis ini meliputi jantina, umur, taraf perkahwinan, keturunan, agama dan tahap pendidikan tertinggi. Jadual 1 memaparkan demografi responden.

Jumlah responden lelaki dan wanita hampir seimbang. Walau bagaimanapun, jumlah responden lelaki iaitu seramai 135 orang (52.5%) melebihi sedikit daripada wanita yang hanya berjumlah 121 orang (46.7 %).

Jadual 1: Taburan Demografi Responden (N=257)

Ciri-ciri Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	135	52.5
	Wanita	121	47.1
	Tiada Maklumat	1	0.4
Umur	< 26 tahun	2	0.8
	26 – 30 tahun	38	14.8
	31 – 35 tahun	50	19.5
	36 – 40 tahun	57	22.3
	41 – 45 tahun	26	10.2
	46 – 50 tahun	32	12.5
	51 – 55 tahun	34	13.3
	> 55 tahun	17	6.6
Taraf perkahwinan	Bujang	44	17.1
	Berkahwin	207	81.2
	Janda/duda	4	1.6
	Tiada Maklumat	2	0.8
Keturunan	Melayu	240	93.4
	Cina	12	4.7
	India	2	0.8
	Lain-lain	2	0.8
	Tiada Maklumat	1	0.4
Agama	Islam	244	94.9
	Bukan Islam	13	5.1
Tahap Pendidikan Tertinggi	Sarjana Muda	14	5.4
	Sarjana	115	44.7
	Doktor Falsafah	127	49.4
	Tiada Maklumat	1	0.4

Pecahan mengikut kategori umur menunjukkan responden paling ramai berumur antara 36-40 tahun iaitu 57 orang (22.3%). Sementara golongan yang berumur 55 tahun ke atas (6.6%) sebagai yang paling rendah bilangannya. Majoriti responden iaitu seramai 207 orang (81.2%) sudah berkahwin, manakala 44 orang (17.1%) masih bujang dan 4 orang (1.6%) merupakan duda/janda. Sementara itu, taburan bangsa mendapati bangsa Melayu merupakan majoriti besar dengan jumlah 240 orang (93.4%) berbanding dengan bukan Melayu yang amat sedikit peratusannya (6.6%). Bangsa bukan Melayu ini terdiri daripada Cina (4.7%), India (0.8 %) dan lain-lain (0.8%). Responden Melayu menjadi majoriti bertepatan dengan populasi staf akademik di IPTA yang dipelopori oleh bangsa Melayu. Dari segi agama, majoriti besar responden beragama Islam iaitu berjumlah 244 orang (94.9%). Ini selaras dengan bilangan responden Melayu yang menjadi majoriti responden kajian ini. Bakinya, 13 orang (5.1%) adalah bukan Muslim meliputi Buddha, Hindu dan Kristian.

Taburan berdasarkan tahap pendidikan pula menunjukkan bahawa responden yang memiliki ijazah doktor falsafah seramai 127 orang (49.4%) adalah lebih tinggi berbanding dengan tahap pendidikan yang lain. Ini diikuti dengan sarjana seramai 115 orang (44.7%) dan yang terendah sarjana muda seramai 14 orang (5.4%).

Pecahan responden berkaitan perjawatan pula dapat dilihat dalam Jadual 2. Jadual tersebut memaparkan maklumat tentang pecahan jawatan dan pendapatan responden. Responden berjawatan pensyarah merupakan jumlah terbesar iaitu 37.4%, diikuti oleh pensyarah kanan (34.2 %), profesor madya (14.4%), guru bahasa (12%), profesor (3.9%) dan pegawai latihan vokasional (1.6%). Sementara itu, 3.9% responden tidak menyatakan jawatan mereka.

Taburan pendapatan bulanan kasar menunjukkan bahawa responden yang berpendapatan antara RM6,001 – RM7,000 merupakan golongan terbesar iaitu 19.1%. Golongan kedua terbesar ialah (17.5%) yang berpendapatan RM3,001 – RM4,000 dan diikuti dengan golongan berpendapatan RM4,001 – RM5,000 sebanyak 11.3%. Golongan terendah (3.9%) ialah responden berpendapatan melebihi RM10,000. Tidak ramai responden berpendapatan melebihi RM10,000 mempunyai kaitan dengan bilangan responden berjawatan profesor. Peratusan responden berjawatan profesor yang terlibat dalam kajian ini juga sebanyak 3.9%. Sementara itu, sebanyak 7.4% tidak memberi respon kepada soalan tentang pendapatan bulanan kasar.

Jadual 2: Taburan Berkaitan Perjawatan Responden (N=257)

Ciri-ciri Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jawatan (N=247)	Pegawai latihan vokasional	4	1.6
	Guru bahasa	12	4.7
	Pensyarah	96	37.4
	Pensyarah kanan	88	34.2
	Profesor Madya	37	14.4
	Profesor	10	3.9
	Tiada Maklumat	10	0.4
Pendapatan (N=238)	RM3,000 atau kurang	18	7.0
	RM3,001 – RM4,000	45	17.5
	RM4,001 – RM5,000	40	15.6
	RM5,001 – RM6,000	29	11.3
	RM6,001 – RM7,000	49	19.1
	RM7,001 – RM8,000	20	7.8
	RM8,001 – RM9,000	11	4.3
	RM9,001 – RM10,000	16	6.2
	RM10,001 atau lebih	10	3.9
Tiada Maklumat	19	7.4	

6. PENGGUNAAN PRODUK DEPOSIT ISLAM DAN KONVENSIONAL

Secara keseluruhan, jumlah responden yang menggunakan produk deposit Islam mengatasi penggunaan produk deposit konvensional. Dalam Jadual 3, seramai 211 orang (82.1%) responden daripada kesemua responden (N=257), melaporkan mempunyai produk deposit Islam berbanding 46 orang (17.9%) responden tidak mempunyai sebarang akaun deposit Islam. Sementara itu, sejumlah 173 orang (67.3%) responden menyatakan mereka mempunyai produk deposit konvensional, manakala kira-kira separuh daripada jumlah tersebut iaitu seramai 84 orang (32.7%) responden tidak mempunyai akaun deposit konvensional.

Jadual 3: Kekerapan dan Peratusan Sampel yang Mempunyai Produk Deposit Islam dan Konvensional (N=257)

		Akaun Deposit Konvensional				Jumlah	
		Ya		Tidak		Bil	Peratus
Akaun		Bil	Peratus	Bil	Peratus		
Deposit-i	Ya	127	49.4	84	32.7	211	82.1
	Tidak	46	17.9	0	0	46	17.9
Jumlah		173	67.3	84	32.7	257	100.0

Dapatan ini menunjukkan bahawa produk deposit Islam mendapat sambutan yang amat baik dalam kalangan responden dengan lebih daripada tiga per empat responden kajian mempunyai akaun deposit Islam. Namun demikian, penggunaan produk deposit konvensional juga tinggi dengan jumlah penggunaannya melebihi separuh daripada keseluruhan responden. Dapatan ini juga menunjukkan terdapat responden yang menggunakan produk deposit Islam dan konvensional secara serentak. Hal ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas seperti Wan Marhaini *et al.* (2008), Suzaida (2003) dan Ahmad Azrin (2010) yang mendapati terdapat responden yang menjadi pengguna dwi sistem perbankan.

Merujuk kepada Jadual 3 juga, responden boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu (i) pengguna produk deposit Islam sahaja, (ii) pengguna produk deposit konvensional sahaja dan (iii) pengguna produk deposit Islam dan konvensional. Tiada responden dalam kategori (iv) iaitu bukan pengguna mana-mana produk deposit (Islam atau konvensional) kerana responden perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun deposit untuk tujuan kemasukan gaji memandangkan mereka bekerja makan gaji. Untuk lebih memudahkan penerangan, Jadual 4 berikut meringkaskan maklumat yang dipaparkan dalam Jadual 3 terdahulu.

Jadual 4: Kategori Pengguna Produk Deposit (N=257)

Kategori Pengguna		Kekerapan	Peratus
i.	Produk Deposit Islam sahaja	84	32.7
ii.	Produk Deposit Konvensional sahaja	46	17.9
iii.	Mempunyai kedua-dua produk (Produk Deposit Islam dan Konvensional)	127	49.4
Jumlah		257	100.0

Merujuk kepada Jadual 4, pengguna kategori ketiga iaitu pengguna produk deposit Islam dan konvensional merupakan yang terbanyak berbanding dua kategori yang lain. Daripada keseluruhan 257 responden, hampir separuh daripada responden iaitu sebanyak 127 orang (49.4%) merupakan pengguna kategori ini. Hanya kira-kira satu per tiga responden (84 orang, 32.7%) berada dalam kategori pertama iaitu pengguna produk deposit Islam sahaja. Kategori yang paling sedikit ialah kategori ketiga iaitu pengguna produk deposit konvensional sahaja seramai 46 orang (17.9%).

Dapatan ini tidak jauh bezanya dengan kajian Okumus (2005) yang mendapati lebih separuh daripada responden (55%) merupakan pelanggan perbankan Islam dan perbankan konvensional (dwi perbankan). Menariknya, walaupun penawaran perkhidmatan perbankan Islam di Turki kurang meluas berbanding di Malaysia, namun jumlah responden yang menggunakan akaun deposit Islam dan konvensional secara serentak dalam kajian ini mencecah separuh, iaitu hampir menyamai dengan dapatan Okumus.

Seterusnya, Jadual 5 menampilkan keutamaan penggunaan bagi responden kategori ketiga yang mempunyai akaun deposit Islam dan juga konvensional (N=127). Kajian ini mendapati lebih separuh daripada mereka iaitu seramai 72 orang (56.7%) lebih banyak menggunakan akaun deposit Islam daripada akaun deposit konvensional. Sementara baki responden yang lain (40.9%), lebih mengutamakan akaun deposit konvensional berbanding akaun deposit Islam. Hal ini menunjukkan lebih ramai responden mengutamakan akaun deposit Islam, walaupun pada masa yang sama mereka turut mempunyai akaun deposit konvensional berbanding mereka yang lebih mengutamakan akaun deposit konvensional. Ini berkemungkinan mereka beralih kepada penggunaan akaun deposit Islam apabila penawaran akaun deposit Islam dapat diperolehi dengan mudah. Sebaliknya, mereka mungkin terus mengekalkan akaun deposit konvensional yang telah dibuka terlebih dahulu.

Jadual 5: Kekerapan dan Peratus Responden yang Mempunyai Akaun Deposit Islam dan Konvensional Berdasarkan Keutamaan Penggunaan (N=127)

	Kekerapan	Peratus
Akaun deposit Islam	72	56.7
Akaun deposit konvensional	52	40.9
Tiada maklumat	3	2.4
Jumlah	127	100.0

6.1 Jenis Akaun Deposit Islam dan Konvensional yang Dimiliki

Dalam kajian ini, empat jenis akaun deposit telah dikenal pasti penggunaannya dalam kalangan keseluruhan responden (N=257). Jadual 6 memaparkan maklumat penggunaan keempat-empat produk deposit berkenaan. Bagi kategori produk deposit Islam, akaun yang paling banyak dimiliki oleh responden ialah akaun simpanan-i, iaitu seramai 167 orang (65%) responden memilikinya. Ia kemudian diikuti oleh akaun semasa-i yang dimiliki oleh 50 orang (19.4%) responden dan seterusnya 35 orang (13.6%) responden melaporkan mereka mempunyai akaun pelaburan-i. Akaun yang paling sedikit dimiliki ialah akaun emas-i di mana hanya 8 orang (3.1%) responden menyatakan bahawa mereka mempunyai akaun berkenaan.

Jadual 6: Kekerapan Penggunaan Produk Deposit Islam dan Konvensional Mengikut Jenis Akaun (berdasarkan keseluruhan 257 responden)

Jenis Akaun	Jenis Perbankan		Perbezaan
	Perbankan Islam (Kekerapan & Peratus)	Perbankan Konvensional (Kekerapan & Peratus)	
Akaun Simpanan	167 (65%)	157 (61%)	10 (4%)
Akaun Semasa	50 (19.4%)	42 (16.3%)	8 (3.1%)
Akaun Pelaburan/Akaun Deposit Tetap Konvensional	35 (13.6%)	10 (4.0%)	25 (9.6%)
Akaun Emas	8 (3.1%)	6 (2.3%)	2 (0.8%)

Seterusnya, Jadual 6 turut memaparkan jenis akaun konvensional dan bilangan responden yang memilikinya. Sebagaimana akaun simpanan Islam, didapati akaun simpanan konvensional juga merupakan akaun yang paling kerap dimiliki oleh pengguna berbanding tiga lagi jenis akaun deposit konvensional yang lain. Terdapat seramai 157 orang (61%) responden mencatatkan penggunaan akaun simpanan konvensional, manakala akaun-akaun lain masing-masing berjumlah 42 orang (16.3%) bagi akaun semasa konvensional, 10 orang (4.0%) bagi akaun simpanan tetap konvensional dan yang terendah sebanyak 6 orang (2.3%) bagi akaun emas.

Dapatan ini menunjukkan *trend* yang sama dalam penggunaan produk deposit Islam dan konvensional. Jenis akaun deposit yang paling banyak dimiliki dalam kalangan responden ialah akaun simpanan. Ini diikuti dengan akaun semasa, akaun pelaburan/akaun simpanan tetap dan akaun emas.

Secara keseluruhan, penggunaan akaun deposit Islam lebih mendapat tempat dalam kalangan responden. Meskipun penggunaan produk deposit Islam dalam semua jenis akaun mengatasi penggunaan produk deposit konvensional, namun perbezaannya tidak begitu ketara. Perbezaan jumlah pengguna antara akaun emas-i dengan akaun emas konvensional paling rendah iaitu 0.8%. Jumlah perbezaan bilangan pengguna akaun semasa-i dan akaun simpanan-i berbanding akaun yang sama di perbankan konvensional pula masing-masing 3.1% dan 4%. Perbezaan yang besar hanya dalam penggunaan akaun pelaburan-i di mana akaun ini mengatasi penggunaan akaun deposit tetap konvensional sebanyak 9.6%.

Dapatan ini menunjukkan akaun simpanan sama ada di perbankan Islam mahupun di perbankan konvensional paling mendapat tempat dalam kalangan responden berbanding tiga jenis akaun lain. Dapatan ini selari dengan Metawa dan Almossawi (1998), Abu Bakar *et al.* (2005), Okumus (2005), Mohd. Rizuan *et al.* (2008), Mokhtar dan Izah (2010). Mereka mendapati akaun simpanan Islam merupakan produk yang paling banyak dilanggan oleh responden berbanding dengan produk perbankan Islam yang lain.

Rasionalnya, akaun simpanan adalah akaun asas dan ia menawarkan pelbagai kemudahan perbankan daripada urusan kemasukan dan pengeluaran wang sehingga kepada urusanniaga *online* di internet. Akaun-akaun lain seperti akaun semasa, akaun pelaburan dan akaun emas kurang digunakan oleh responden. Pengguna yang memiliki akaun simpanan tidak perlu lagi membuka akaun semasa kecuali jika mereka ingin menggunakan buku cek kerana hampir semua transaksi yang sama dapat dilakukan menerusi akaun simpanan kecuali penggunaan buku cek. Walau bagaimanapun, penggunaan cek sebagai medium pembayaran dapat diambil alih dengan pelbagai kemudahan perbankan khususnya perbankan internet. Menerusi perbankan internet, pengguna kini tidak perlu membawa wang yang banyak bersama mereka. Mereka dapat membuat pembayaran untuk suatu transaksi atau membuat pemindahan wang dalam jumlah yang banyak dengan selamat menerusi kemudahan tersebut. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mengurangkan penggunaan cek dan sekali gus penggunaan akaun semasa.

Responden pula mungkin kurang gemar dengan akaun pelaburan/akaun simpanan tetap kerana akaun ini bertujuan menyimpan sejumlah wang untuk sesuatu tempoh tertentu dan pendeposit tidak digalakkan untuk mengeluarkannya sebelum tempoh matang. Hal ini menyebabkan ia hanya sesuai kepada pengguna yang mempunyai sejumlah lebihan wang tertentu yang tidak digunakan untuk sesuatu tempoh yang tertentu. Akaun emas sama ada yang ditawarkan oleh perbankan Islam atau konvensional amat kurang popular kerana produk ini agak baru dalam pasaran dan penawarannya amat terhad kepada hanya sebilangan kecil bank sahaja. Akaun emas-i hanya ditawarkan oleh *Kuwait Finance House*. Di wilayah utara, terdapat satu cawangan sahaja iaitu di Pulau Pinang. Akaun

emas konvensional pula hanya ditawarkan oleh Maybank, Public Bank dan CIMB Bank. Penawaran yang terhad boleh menyukarkan responden untuk memiliki akaun berkenaan.

Seterusnya, analisa jadual silang turut dilakukan untuk mengenal pasti adakah terdapat responden membuka jenis akaun yang sama di perbankan Islam dan konvensional. Merujuk kepada Jadual 7, didapati lebih daripada satu per tiga atau seramai 102 orang (39.7%) daripada keseluruhan responden (N=257) mempunyai akaun yang sama di perbankan Islam dan konvensional. Daripada jumlah itu, sebahagian besar (93.1%) (N=102) daripada mereka mempunyai akaun simpanan-i dan akaun simpanan konvensional secara serentak. Sementara itu, bagi dua akaun lain iaitu akaun semasa dan akaun emas, bilangan mereka yang memilikinya amat kecil dengan masing-masing sebanyak 5.9% dan 1.0%. Sebaliknya, tiada seorang pun daripada responden mempunyai akaun pelaburan Islam dan pada masa yang sama turut memiliki akaun simpanan tetap konvensional.

Jadual 7: Bilangan dan Peratusan Responden yang Memiliki Jenis Akaun Deposit yang Sama di Perbankan Islam dan Konvensional (N=102)

Jenis Akaun	Kekerapan	Peratusan daripada Responden yang Memiliki Akaun yang Sama (N=102)	Peratusan daripada Keseluruhan Responden (N=257)
Akaun Simpanan-i dan Akaun Simpanan Konvensional	95	93.1	37.0
Akaun Semasa-i dan Akaun Semasa Konvensional	6	5.9	2.3
Akaun Pelaburan-i dan Akaun Deposit Tetap Konvensional	0	0.0	0.0
Akaun emas-i dan Akaun Emas Konvensional	1	1.0	0.4
Jumlah	102	100.0	39.7

Dapatan ini mendedahkan bahawa terdapat kira-kira 39.7% responden mempunyai akaun yang sama di perbankan Islam dan konvensional. Memandangkan lazimnya tidak terdapat banyak perbezaan dari segi kemudahan yang ditawarkan oleh sesuatu akaun yang sama jenis di perbankan Islam dan konvensional, golongan ini boleh mengambil tindakan untuk memindahkan transaksi kewangan mereka di perbankan konvensional ke perbankan Islam.

Merujuk kepada Jadual 8, kemasukan gaji adalah merupakan tujuan utama kepada penggunaan produk deposit Islam. Lebih daripada tiga per empat (76.8%) responden menjadikan tujuan kemasukan gaji sebagai antara tiga tujuan utama mereka menggunakan produk deposit Islam. Ini seterusnya diikuti dengan tujuan untuk mendapat kemudahan bagi melaksanakan pelbagai transaksi lain (40.8%) dan untuk tujuan simpanan jangka panjang (28.0%). Tujuan-tujuan lain kurang penting kepada responden. Umpamanya, hanya 25.1% responden memilih tujuan kecemasan, manakala 16.1% responden memilih tujuan mendapatkan buku cek. Dua tujuan yang terendah ialah menyimpan untuk pelaburan dalam instrumen lain (10.9%), diikuti dengan pelaburan jangka pendek (9.0%).

Jadual 8: Tujuan Penggunaan Produk Deposit Islam dalam Kalangan Responden yang Mempunyai Akaun Deposit Islam (N=211)

Tujuan Penggunaan	Kekerapan	Peratus (N=211)
Pembayaran gaji	162	76.8
Mudah buat transaksi lain	86	40.8
Simpanan jangka panjang	59	28.0
Kecemasan	53	25.1
Buku cek	34	16.1
Untuk pelaburan instrumen lain	23	10.9
Pelaburan jangka pendek	19	9.0

Hal ini menunjukkan majoriti daripada responden menggunakan akaun deposit Islam untuk pembayaran gaji. Kebiasaannya mereka membuka akaun simpanan untuk tujuan tersebut. Tidak hairanlah akaun simpanan mencatatkan penggunaan yang tertinggi berbanding dengan akaun lain. Tujuan pelaburan jangka pendek pula amat rendah bersesuaian dengan jumlah responden yang memiliki akaun pelaburan Islam, iaitu seramai 35 orang. Hal ini demikian kerana akaun pelaburan Islam adalah untuk tujuan pelaburan jangka pendek dengan tempoh sesingkat 1 bulan sehingga 60 bulan. Dapatan ini juga menunjukkan responden mungkin tidak gemar kepada risiko memandangkan tujuan pelaburan adalah mendedahkan responden kepada risiko.

7. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kebanyakan responden dipelopori oleh mereka yang menggunakan produk deposit Islam dan konvensional serentak (49.4%). Didapati hampir kesemua daripada mereka yang menggunakan produk deposit di perbankan Islam dan perbankan konvensional membuka jenis akaun yang sama, iaitu akaun simpanan di kedua-dua jenis perbankan. Akaun simpanan Islam merupakan akaun yang paling banyak dimiliki oleh responden dengan majoriti responden menggunakannya untuk penerimaan gaji. Dapatan ini menunjukkan bahawa masih ramai yang menggunakan produk deposit konvensional walaupun produk deposit Islam boleh didapati dengan mudah hampir di setiap bank. Terdapat 17 buah bank perdagangan yang beroperasi di negara kita yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Tidak hairanlah penguasaan pasaran deposit perbankan konvensional begitu besar dengan kira-kira empat per lima daripada keseluruhan deposit sistem perbankan negara.

Penggunaan produk deposit konvensional dalam kalangan umat Islam adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Walaupun responden bukan beragama Islam yang terlibat dengan kajian ini hanya segelintir sahaja (5.1%), namun bilangan responden yang menggunakan produk deposit konvensional jauh lebih besar. Sebanyak 67.3% responden mempunyai akaun deposit konvensional. Dapatan ini mendedahkan bahawa lebih separuh daripada responden Muslim terlibat dengan produk deposit konvensional yang berteraskan riba.

Penggunaan produk deposit konvensional dalam kalangan pengguna Muslim amat kritikal lebih-lebih lagi bagi golongan berpendidikan. Golongan berpendidikan sewajarnya lebih peka dengan tuntutan agama. Mereka seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi dalam melaksanakan tuntutan ajaran Islam dalam segenap aspek kehidupan, termasuklah dalam aspek kewangan.

Tuntutan menggunakan produk dan perkhidmatan yang halal dalam kehidupan umat Islam amat jelas dalam Islam. Ia bukan hanya meliputi aspek makanan, pakaian dan barangan kegunaan harian, malah aspek kewangan tidak terkecuali. Hal ini dapat difahami daripada firman Allah SWT yang bermaksud, "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu,*" (Al-Nisa'4:29). Menurut Hamka (1987), jalan yang *batil* membawa maksud jalan yang salah. Larangan memakan harta dengan jalan yang *batil* (salah) meliputi apa sahaja kaedah yang bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, transaksi kewangan yang mengandungi unsur riba juga termasuk dalam larangan yang dimaksudkan oleh ayat ini. Allah menggunakan perkataan *ta'kulu* (memakan)

kerana daripada sumber harta yang haram digunakan untuk membeli makanan, pakaian, kelengkapan tempat tinggal untuk diri, anak-anak dan keluarga.

Pengharaman riba juga amat jelas disebut dalam al-Quran. Ayat pertama yang menyatakan dengan terang tentang pengharaman riba ialah ayat 130 dalam surah Ali 'Imran (Ab Mumin, 1999). Allah SWT bukan sahaja mengancam orang yang terlibat dengan riba dengan azab neraka di akhirat nanti (Ali 'Imran 3:131), malah di dunia lagi Allah SWT dan Rasul mengisytiharkan perang ke atas mereka (al-Baqarah 2: 277-279).

Islam menuntut umatnya meninggalkan apa sahaja transaksi kewangan yang mengandungi riba. Memandangkan semua produk deposit konvensional sama ada akaun simpanan atau akaun deposit tetap mengandungi unsur riba, maka sewajarnya umat Islam mengelakkan diri daripada menggunakan akaun tersebut. Sebaliknya, mereka wajar beralih kepada penggunaan akaun deposit yang ditawarkan oleh perbankan Islam.

Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak faktor lain yang diambil kira dalam menentukan penggunaan sesuatu produk deposit. Walau apa pun alasannya, adalah tidak wajar bagi seseorang Muslim menggunakan produk deposit konvensional berdasarkan empat justifikasi berikut. Pertama, isu menjauhkan diri daripada produk deposit konvensional yang mengandungi unsur riba dikaitkan dengan keimanan kepada Allah. Jika diperhatikan, Allah mengaitkan larangan riba dengan orang-orang yang beriman (Hamka, 1987) sebagaimana dalam firman-Nya, "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba berlipat ganda dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh kemenangan,*" (Ali 'Imran, 3: 130). Justeru, keimanan kepada Allah akan diterjemahkan dalam kehidupan dengan cara menjauhi larangan Allah. Penggunaan produk deposit Islam menyelamatkan individu daripada terlibat dengan riba yang merupakan satu dosa besar. Sebaliknya, penggunaan produk deposit konvensional menyanggahi al-Quran dan al-Sunnah. Ia menjerumuskan individu berkenaan kepada kemurkaan Allah. Bahkan lebih dasyat lagi, individu yang terus melakukan riba berada dalam kedudukan peperangan dengan Allah dan Rasul (al-Baqarah 2: 278-279).

Kedua, menggunakan produk deposit Islam adalah satu ibadah sekiranya dilakukan sebagai satu tindakan ketaatan kepada Allah demi menjauhi larangan riba. Setiap amalan ibadah yang dilakukan secara ikhlas kerana Allah semata-mata akan diberi ganjaran oleh Allah. Ketiga, penggunaan produk deposit Islam adalah satu tanggungjawab agama dalam usaha untuk menegakkan syiar dan syariah Islam. Hal ini demikian kerana pembangunan sistem kewangan dan perbankan Islam merupakan satu tuntutan syariah Islam itu sendiri (Mohd Daud Awang, 2007). Justifikasi terakhir, tindakan menggunakan produk deposit Islam adalah satu jihad ekonomi demi kemajuan ummah. Ia merupakan satu usaha

membebaskan ummah dari sistem riba dan ketidakadilan dalam ekonomi. Semakin ramai pengguna sistem perbankan Islam, semakin kukuh kedudukan sistem perbankan Islam itu sendiri. Hal ini penting agar sistem perbankan Islam mampu bersaing dengan sistem perbankan konvensional yang telah berakar umbi dalam sistem kewangan negara.

Bagi pengguna bukan Islam pula, walaupun mereka tidak sedikit pun dituntut oleh agama untuk menggunakan produk deposit Islam, namun mereka amat digalakkan untuk berbuat demikian. Produk deposit yang bebas daripada riba adalah produk yang adil dan beretika.

Diharapkan hasil daripada kajian ini, dapat mendedahkan golongan staf akademik dan masyarakat secara umumnya terhadap isu penggunaan produk deposit konvensional berbanding produk deposit yang ditawarkan oleh sistem perbankan Islam.

RUJUKAN

- Ab. Mumin Ab. Ghani. (1999). *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abu Bakar Hamed, Muhammad Nasri Hussain, Syarifah Md Yusof, Azizah Othman, & Ab. Wahab Mat. (2005). *Kepuasan Pelanggan Terhadap Perkhidmatan dan Produk Perbankan Islam di Bank-Bank Islam dan Konvensional*, Laporan Penyelidikan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Azrin Adnan. (2010). *Penentu Pemilihan Institusi Perbankan Islam dalam Kalangan Muslim di Terengganu*. Tesis Phd tidak diterbitkan, USM.
- Ahmad, Mahmood. (2007). The Attitude of Bank Customers and Professional Bankers towards Islamic and Conventional Banks in Bangladesh. In Salman Syed Ali & A. Ahmad (Eds.), *Islamic Banking and Finance: Fundamentals and Contemporary Issues* (pp. 168-195). Jeddah: Islamic Development Bank.
- Asyraf Wajdi Dusuki, & Nurdianawati Irwani Abdullah. (2006). *The Ideal of Islamic Banking: Chasing a Mirage?* Kertas kerja dibentangkan di INCEIF Islamic Banking and Finance Educational Colloquium, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 3-5 April 2006.
- Dar, H. A., & Presley, J. R.. (1999). Islamic Finance: A Western Perspectives. *International Journal of Islamic Financial Services*, 1(1), 1-9.

- Hadenan Towpek, & Joni Tamkin Borhan. (2006). *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM).
- Hamka. (1987). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hassan, Mehboobul. (2010). Searching for Customers' Perceptions and Behaviours towards Islamic and Conventional Banking in Pakistan. *Review of Islamic Economics*, 14(1), 77-102.
- Kahf, Monzer. (2007). Success Factors of Islamic Banks: An Empirical Study. Dalam Salman Syed Ali dan Ausaf Ahmad (Eds.), *Islamic Banking and Finance: Fundamentals and Contemporary Issues* (121-167). Jeddah: Islamic Development Bank.
- Kementerian Kewangan, (2010). Laporan Ekonomi 2010\2011 (Publication, Retrieved on 3 Nov, 2010, from Kementerian Kewangan: <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1011/bab5.pdf>).
- Khan, M. S. N., Hassan, M. K., & Shahid, A. I. (2008). Banking Behavior of Islamic Bank Customers in Bangladesh. *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, 3(2), 159-195.
- Metawa, S. A., & Almosawi, M., (1998). Banking behavior of Islamic bank customers: Perspectives and implications. *International Journal of Bank Marketing*, 16(7), 299-313.
- Mohd Daud Awang. (2007). *Kefahaman Masyarakat Islam Terhadap Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Satu Kajian di Pantai Timur Semenanjung Malaysia*. Thesis PhD tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Mohd Rizuan Abd Kadir, Suzaida Bakar, & Noraina Mazuin Sapuan. (2008). *Customer preferences toward Syariah compliant products and services in banking Sectors: Empirical study Among academician and non-academician*. Kertas kerja dibentangkan di Islamic Banking, Accounting and Finance Conference (iBAF 2008), anjuran Faculty of Economics and Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 28-29 July 2008 di Legend Hotel, Kuala Lumpur.
- Mokhtar Mahamad, & Izah Mohd Tahir. (2010). Persepsi pelanggan bukan Islam terhadap perbankan Islam: Satu kajian rintis. *Jurnal Kemanusiaan*, 16 (Disember), 1-18.

- Naser, K., Jamal, A., & Al-Khatib, K. (1999). Islamic Banking: A Study of Customer Satisfaction and Preferences in Jordan. *International Journal of Bank Marketing*, 17(3).
- Nor Azurah Md. Kamdari, & Remali Yusoff. (2008). *Selection factors of Islamic banking between Bank Islam Malaysia Berhad and conventional banks in Kota Bharu: What do their customers say?* Kertas kerja dibentangkan di ECER Regional Conference 2008, 15-17 Disember. Thrusting Islam, knowledge and professionalism in ECER Development, Renaissance Hotel, Kota Bharu, Kelantan.
- Okumus, H. S. (2005). Interest-free banking in Turkey. *Journal of Economic Cooperation*, 26(4), 51-86.
- Pang, Johnson. (1997). *Sistem Kewangan dan Perbankan di Malaysia*. Shah Alam: Federal Publications.
- Saiful Azhar Rosly. (2007). *Critical Issues on Islamic Banking and Financial Markets: Islamic Economics, Banking and Finance, Investment, Takaful and Financial Planning*. Kuala Lumpur: Dinamas Publishing.
- Sayyid Tahir. (2007). Unresolved Issues In Islamic Banking and Finance: Deposit Mobilization. Dalam Salman Syed Ali dan A. Ahmad (Eds.), *Islamic Banking and Finance: Fundamentals and contemporary Issues* (hlm. 81-98). Jeddah: Islamic Development Bank.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Shamsudin Ismail. (2003). *Pengurusan Bank Perdagangan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shofian Ahmad dan Marsi al-Saudi, Abdul Wadud Mustafa. (2009). *Al-Takyif al-Fiqhlil-Wada'i al-Naqdiyyah fi al-Bunuk al-Islami*. Kertas kerja dibentangkan di Arab Malaysian Global Business, Cairo, Egypt., Mac.
- Sohail Jaffer (ed). (2005). *Islamic Retail banking and finance: Global challenges and opportunities*. Euromoney Books. Retrieved from <http://books.google.com.my/books?id=1OdZj61PpoC&printsec=frontcover#v=onepage&q=&f=false>.
- Suzaida Bakar. (2003). *Persepsi Masyarakat Akademik di Universiti Awam Tempatan Terhadap Sistem Perbankan Islam*. Msc Tesis tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.

Wan Marhaini Wan Ahmad, Asmak Ab Rahman, Nor Aini Ali, & Azizi Che Seman, (2006). *Choice of financing amongst Malays: between religiosity and perception*. Kertas kerja di National Seminar in Islamic Banking dan Finance, Kuala Lumpur, 29-30 Ogos.

Zaharuddin Abd Rahman. (2008). *Wang, anda dan Islam halal dan haram dalam kewangan dan perbankan*. Kuala Lumpur: True Wealth.

Zairi Zainol. (2005). Hubungan jangka panjang dan jangka pendek antara kadar bunga deposit di bank konvensional dan kadar pulangan deposit di perbankan Islam. Dalam Abdullah Alwi Haji Hassan (Ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia* (hlm. 118 -138). Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors.

Zulkefly Abdul Karim, Aminudin Mokhtar, & Mohd Azlan Shah Zaidi. (2004). Hubungan antara kadar pulangan nominal dengan permintaan deposit sistem perbankan Islam di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 38, 3-27.